



**LEMBAGA PERINDUSTRIAN
NANAS MALAYSIA**

KENYATAAN MEDIA OLEH SHEIKH UMAR BAGHARIB BIN ALI

Pengerusi Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM)

11 Disember 2024

**PROJEK NANAS MD2 DI TKPM LANCHANG MAMPU TAMBAH PENDAPATAN PENEROKA
FELDA**

1. Pada minggu lalu, saya dan kakitangan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) telah mengadakan lawatan kerja ke Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Lanchang di Pahang.
2. Dari tanah seluas lebih 3000 hektar TKPM Lanchang, hampir 400 ekar telah dibangunkan dengan tanaman nanas varieti MD2 melibatkan syarikat pengusaha tempatan.
3. Lawatan kami tempoh hari tertumpu khusus pada projek tanaman nanas MD2 bawah Program Pembangunan Peneroka (PPP) FELDA. Ia telah melibatkan tiga pertubuhan koperasi peneroka FELDA iaitu Felda Damar, Felda Lakum dan Felda Lembah Klau.
4. Model perniagaan yang digunapakai melibatkan 3 pihak. FELDA sebagai pemilik dana dan tanah, syarikat Aqina Fruits Sdn Bhd sebagai operator manakala badan Koperasi sebagai peserta. Pada masa yang sama, Agrobank turut terlibat sebagai pengurus dana dan pemberi pinjaman 'operational expenses'.
5. Projek ini telah bermula pada 4 Julai 2023 dan sudah mula mengeluarkan hasil tuaian pertama pada Julai 2024. Keluasan bertanam terkini adalah 190.5 ekar manakala keluasan berhasil ialah sebanyak 32 ekar. Pengeluaran hasil akan berterusan mengikut penjadualan berperingkat bagi memenuhi permintaan.

6. Dari segi angka, sebanyak 319,193 biji nanas MD2 telah direkodkan sehingga kini.

7. Apa yang menarik, Aqina Fruits Sdn Bhd juga sebenarnya sedang menjalankan R&D untuk mencari kalibrasi bagi mendapatkan kualiti MD2 terbaik dalam tempoh penuaian hasil yang lebih singkat. Tempoh tuaian biasa varieti MD2 memakan masa minimum 14 bulan.

8. Pada keseluruhannya, projek tanaman nanas MD2 bawah Program Pembangunan Peneroka FELDA ini adalah sangat baik kerana ia dapat memberi pendedahan, hasil tambahan serta faedah sampingan kepada para pesertanya dari kalangan anggota koperasi. Antaranya, mereka dapat menikmati dividen tahunan sekitar RM1000 bagi setiap ketua keluarga menerusi program ini.

9. Ini membuktikan bahawa, projek tanaman nanas mampu memberikan impak mobiliti sosial kepada masyarakat menerusi peningkatan pendapatan. Ia sejajar dengan semangat Malaysia Madani yang berhasrat meningkatkan peluang ekonomi dan taraf hidup masyarakat luar bandar.

10. LPNM berharap model ini dapat digarap lebih meluas oleh para pemain industri nanas di negara kita kerana ia boleh memberi limpahan rezeki buat rakyat serta pekebun kecil yang telah dilibatkan.

TAMAT

Sheikh 'Umar Bagharib bin Ali

Pengerusi

Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia